

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MALAYSIA AIRPORT TAWAU SABAH

JUMATIAH BINTI AMIRUDDIN

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2006

3385

1100045550

1100045550 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 13 FPE 2 2006



1100045550

Laporan akhir latihan industri di Malaysia Airport Tawau Sabah
/ Jumataih Amiruddin.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045550

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MALAYSIA AIRPORT TAWAU SABAH

Disediakan oleh:

**JUMATIAH BINTI AMIRUDDIN (UK9752)
SARJANA MUDA PENGURUSAN (POLISI DAN
SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DIHANTAR
KEPADА:**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006**

ISI KANDUNGAN

Surat pengesahan
Penghargaan
Ringkasan eksekutif

i
ii
iv

BAB 1 PENGENALAN ORGANISASI

1.1 Latar belakang Malaysia Airport Sdn. Bhd	1
1.2 Latar belakang Malaysia Airport Tawau Sdn. Bhd	4
1.2.1 Objektif syarikat	7
1.2.2 Misi Syarikat	7
1.2.3 Penyata Misi	7
1.2.4 Falsafah MASB	8
1.3 Lapangan terbang milik syarikat	9
1.4 Logo	12
1.5 Carta organisasi	14
1.6 Carta organisasi bahagian pentadbiran	15
1.6.1 Struktur organisasi	16
1.7 Bidang urusan	17
1.8 Jabatan/bahagian /unit	18
1.8.1 Pentadbiran dan kewangan	18
1.8.2 Operasi	19
1.8.3 Kejuruteraan	21
1.8.4 Unit keselamatan (AVEC)	22
1.8.5 Unit kebombaan (AFRS)	22
1.9 Peraturan yang ditetapkan	23
1.10 Kemahiran yang dipelajari	24
1.10.1 Membuka fail baru	25
1.10.2 Merekod dan menyimpan fail	25
1.10.3 Merekod keluar/ masuk fail	25
1.10.4 Masukkan data-data peribadi kakitangan ke dalam SAP untuk tentukan kerja labih masa	26
1.10.5 Surat jaminan perkhidmatan rawatan perubatan	26
1.10.6 merekod permohonan cuti kakitangan	27
1.10.7 Mengurus permohonan pinjaman perumahan dan kenderaan kakitangan	27

BAB DUA PENGENALPASTIAN SISTEM DALAM ORGANISASI

2.1 Sistem yang terdapat dalam organisasi	28
2.1.1 Sistem penilaian prestasi	28
2.2.2 Sistem permohonan cuti	31
2.2.3 Sistem perakam waktu	31

2.2 Mengenalpastian masalah	32
2.2.1 Kecenderungan untuk berlaku kurang adil	32
2.2.2 Sebilangan pekerja mengambil cuti sebelum Membuat permohonan	33
2.2.3 Berlaku penangguhan kerja	33
2.2.4 Sebilangan pekerja melanggar peraturan	34
2.3 Cadangan penyelesaian	34
2.3.1 Kakitangan membuat penilaian terhadap Pegawai penilai/ ketua unit	34
2.3.2 Penilaian sesama rakan sekerja	35
2.3.3 Menggunakan teknologi baru	35
2.3.4 Membuat dua salinan permohonan cuti	36
2.3.5 Penggunaan finger flex/finger scan	37
2.3.6 membuat majlis penghargaan atau pengiktirafan	37

BAB TIGA PENUTUP

3.1 Kesimpulan	39
----------------	----

SENARAI RAJAH

Rajah 1	4
Rajah 2	15
Rujukan	41
Lampiran	42

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Jumatiah Binti Amiruddin (UK9752) mengaku bahawa laporan Latihan Industri ini bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Jumatiah Binti Amiruddin (UK9752)

Tarikh: 14 September 2006

Disahkan oleh:



Encik Syahrin Bin Said
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnianya maka terhasil laporan Latihan industri ini. Usaha penghasilan laporan Latihan Industri ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak. Selaku pelatih, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) terutama Encik Syahrin bin Said selaku penyelia KUSTEM yang banyak membantu saya dalam menyiapkan laporan industri ini. Tidak lupa juga wakil penyelia saya iaitu Puan Wan Nurhayati Mohamed yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Begitu juga kepada urusetia Latihan Industri bagi program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu Puan Asmawati Binti Ngah yang tidak putus-putus membantu saya semasa pemilihan penempatan Latihan Industri. Tanpa bantuan pihak-pihak yang disebut, maka tidak akan terhasil laporan Latihan Industri ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan kepada mantan Pengurus Lapangan Terbang Tawau iaitu Encik Awang Mali Bin Awang Anak yang sanggup menerima saya untuk membuat Latihan Industri. Segala bantuan dan layanan yang baik daripada beliau tidak akan dilupakan. Begitu juga Pengurus baru Lapangan Terbang Tawau iaitu Encik Amat Bin Madin begitu banyak membantu saya semasa menjalankan Latihan Industri. Tidak lupa juga kepada Penyelia Industri saya iaitu Puan Mazilda Lee @ Maslina Abdullah yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya berkaitan dengan pengurusan sumber

manusia. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Ketua Unit Operasi iaitu Encik Amat Bin Obong begitu banyak membantu dan tunjuk ajar kapada saya dan semua kakitangan Malaysia Airport Tawau yang banyak memberikan maklumat kapada saya. Sesungguhnya tanpa bantuan daripada kakitangan Malaysia airport Tawau, menjadi satu masalah kepada saya untuk menyiapkan laporan Latihan Industri ini.

Sepanjang tempoh saya menjalani Latihan Industri ini, begitu banyak pengalaman tidak kira pahit maupun yang manis. Segala cabaran dan dugaan yang saya hadapi dengan sabar berkat dorongan ibu dan bapa saya. Tanpa mereka, tidak mungkin saya dapat menempuh segala cabaran dan dugaan yang datang. Rakan-rakan seperjuangan dan rakan Latihan Industri juga banyak memberi sokongan kepada saya. Semoga Laporan Latihan Industri ini dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri merupakan aspek amat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan tidak terkecuali Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Melalui Latihan Industri, pelatih akan ditempatkan diagensi awam atau swasta dan pelatih berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelatih dapat juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesbuah agensi. Latihan industri ini merupakan kursus yang berkod SOS 4299 dan wajib diambil oleh semua pelajar Sarjana Muda Pengurusan (polisi dan Sekitaran Sosial). Terdapat beberapa objektif latihan industri ini iaitu mendapat pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing, mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam profesional dalam bidang masing-masing, memahami nilai etika profesional masing-masing dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduan nanti. Latihan industri ini berjalan selama 12 minggu iaitu bermula dari 9 Mac 2006 sehingga 17 April 2006. Pelatih telah menjalani latihan industri di Malaysia Airport Tawau, Sabah. Semasa proses latihan industri berjalan, pelatih telah ditempatkan di bahagian sumber manusia. Sepanjang tempoh menjalani 12 minggu latihan industri, pelatih berpeluang mempelajari dan mengetahui tugas-tugas yang berkaitan sumber manusia. Selain itu, pelatih juga berpeluang menganalisis sistem yang digunakan sekaligus dapat dikaji dan mengetahui kelemahan sistem yang sedia ada. Cadangan –cadangan pembaikan sistem juga disertakan sebagai rujukan dan buah fikiran mahupun idea baru untuk penciptaan sistem baru atau pembaikannya. Segala cadangan yang diutarakan dapat dijadikan panduan untuk melahirkan sebuah organisasi yang disegani atas dasar mempunyai kakitangan yang berkaliber seiring dengan matlamat kerajaan menginginkan modal insan yang berkebolehan demi mencapai misi wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju.